

**SOALAN NO: 68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]**  
**TARIKH : 6 MAC 2018**  
**SOALAN : 68**

**Dr. Ko Chung Sen [Kampar]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a) mengapa timbul isu pakar bius Kerajaan di Hospital Serdang mengenakan caj tambahan melalui kaedah memperincikan bil; dan
- b) sama ada pakar bius menyalahgunakan skim FPP dengan mengenakan bayaran dua kali ganda bayaran yang dikenakan oleh pakar bius di hospital swasta.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pesakit yang memilih untuk mendaftar sebagai Pesakit Bayar Penuh atau *Full Paying Patient* (FPP) akan dikenakan bayaran penuh secara terperinci tanpa subsidi kerajaan bagi mendapatkan perkhidmatan rawatan perubatan Pegawai Perubatan Pakar yang dilantik untuk menjalankan perkhidmatan FPP di hospital-hospital kerajaan yang terpilih.

Perincian bayaran Perkhidmatan FPP bagi semua pesakit adalah meliputi fi pendaftaran dan perundingan, fi hospitaliti, fi penyiasatan, fi tatacara, fi rawatan, dan fi pelbagai seperti yang termaktub di dalam Perintah Fi (Perubatan) Pesakit Bayar Penuh (2007).

Oleh itu, isu pakar bius kerajaan di Hospital Serdang mengenakan caj tambahan melalui kaedah memperincikan bil adalah tidak tepat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Fi bagi pakar anestesia (bius) berdaftar dengan perkhidmatan FPP adalah berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) (Pesakit Bayar Penuh) 2007. Fi anestesia bagi perkhidmatan FPP ini secara amnya adalah masih rendah berbanding hospital swasta yang menggunakan fi seperti yang dinyatakan dalam Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013.

Pakar bedah dan pakar anestesia masing-masing boleh mengenakan caj profesional ke atas prosedur pembedahan dan prosedur anestesia untuk sebarang prosedur yang diterima oleh pesakit FPP. Bagi prosedur yang dilakukan oleh pakar anestesia, surcaj sebanyak 30% daripada kadar fi bagi anestesia boleh dikenakan sekiranya pesakit didapati berisiko tinggi seperti pesakit yang mempunyai diabetes dan hipertensi yang tidak terkawal serta kegagalan buah pinggang.

Berdasarkan perintah-perintah fi tersebut, secara amnya, fi bagi pakar anestesia di hospital swasta boleh mencecah sehingga RM3,305 bagi satu prosedur pembedahan. Manakala bagi perkhidmatan FPP, fi

anestesia yang tertinggi adalah RM1,600 bagi satu prosedur pembedahan dan maksimum RM2,080 sekiranya surc妖 sebanyak 30% daripada kadar fi bagi anestesia dikenakan bagi pesakit berisiko tinggi. KKM sentiasa komited untuk menyediakan rawatan dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat. Pegawai Perubatan Pakar FPP dimestikan mematuhi "*code of professional conduct*" dan tahap profesionalisma yang tinggi di mana komitmen mereka terhadap perkhidmatan ini tidak boleh menjelaskan perkhidmatan mereka terhadap pesakit awam yang lain.

Justeru, persoalan pakar bius Kerajaan menyalahgunakan Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh dengan mengenakan bayaran dua kali ganda bayaran yang dikenakan oleh pakar bius di hospital swasta adalah tidak benar.